

**Title** : Daulat dan Derhaka Orang Melayu

**Author(s)** : Nur Asyikin binti Hussin

**Institution** : Universiti Kebangsaan Malaysia

**Category** : Article, Competition

**Topics** : History

# DAULAT DAN DERHAKA ORANG MELAYU

*oleh Nur Asyikin binti Hussin*

Persatuan Mahasiswa Sejarah, Politik dan Strategi

Universiti Kebangsaan Malaysia

## 1.2 ASAL USUL DAULAT DAN DERHAKA

Menurut catatan sejarah unsur daulat dan derhaka yang menjadi amalan dan pegangan orang melayu tradisional dahulu bermula daripada satu perjanjian yang dikenali sebagai wadat atau waad. Menurut hikayat melayu iaitu *sulalatus salatin*, wadat tersebut termeterai atas kesepakatan antara Seri Teri Buana yang mewakili golongan pemerintah (raja) dengan Demang Lebar Daun sebagai wakil golongan yang diperintah (rakyat). Peristiwa ini berlaku atas keinginan Seri Teri Buana untuk memperisterikan puteri Demang Lebar Daun iaitu Wan Sedari. Sebelum perjanjian tersebut berlaku dikatakan bahawa Seri Teri Buana telah mengahwini 39 orang wanita namun mereka semua terkena penyakit kedal setelah di tiduri oleh baginda.

Menyedari akan hakikat ini, Demang Lebar Daun meletakkan syarat dan perjanjian bersama kepada Seri Teri Buana sebelum bersetuju anak puterinya dikahwini. Hal ini demi menjaga maruah dan aib anaknya sekiranya puterinya itu ditimpa penyakit kedal seperti wanita-wanita lain yang pernah bersama dengan Seri Teri Buana baginda tidak mahu anaknya itu dihalau keluar dari istana. Seri Teri Buana pun bersetuju akan permintaan pamannya itu.

Maka titah Seri Teri Buana “*Hendaklah oleh segala cucu hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan sesekali haru ba melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya kebumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga*”. Maka Demang Lebar Daunpun bersetuju dengan titah tersebut<sup>1</sup>.

Maka Kedua pihak ini saling bersumpah dan bersetia. *Titah baginda “Barang siapa hamba melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas”*. Maka sembah Demang Lebar Daun “*Jikalau Raja melayu itu mengubah perjanjian dengan hamba melayu, dibinasakan Allah dengan negerinya dan takhta kerajaannya.*”<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> A. Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 25

<sup>2</sup> Ibid, hlmn 26

Kesan daripada waad tersebut Wan Sendari tidak terkena penyakit Kedal seperti wanita lain yang ditiduri oleh Seri Teri Buana. Disebabkan waad ini juga telah membawa kepada taat setia rakyat kepada raja yang terikat dengan unsur daulat dan derhaka lalu menjadi amalan masyarakat di alam melayu. Dengan itu, Daulat dan derhaka ini membawa kepada pengertian konsep, simbol kedaulatan, bentuk-bentuk penderhakaan dan kepentingan unsur daulat dan derhaka.

## **2.0 KONSEP DAULAT DAN DERHAKA 2.1 KONSEP DAULAT**

Taat setia masyarakat melayu kepada sultan dahulu disebabkan oleh wujudnya konsep daulat dalam diri seorang raja sebagai pemerintah. Perkataan daulat berasal daripada istilah arab iaitu dawlatun. Dari segi epistemologi, dawlatun membawa maksud pemerintahan dan kerajaan. Dari sini dapat dilihat bahawa kerajaan ini menjadi satu intipati kepada tanggungjawab seorang individu atau kelompok dalam melaksanakan tadbir urus pemerintahan dan pentadbiran terhadap masyarakat dan negeri yang diperintah. Di dalam sistem politik berkerajaan, lambang kedaulatan ini dipegang oleh sultan yang memerintah kerajaan tersebut sebagaimana yang digambarkan dalam sistem beraja kerajaan-kerajaan Melayu dahulu teruma era Kesultanan Melayu Melaka.

Dalam pada itu, konsep daulat turut menerima perubahan setelah kedatangan islam di alam melayu. Seperti yang tertulis dalam catatan sejarah, sebelum kedatangan islam orang melayu mengamalkan ajaran dan pegangan Hindu-buddha namun setelah pengaruh islam tersebar amalan dan pegangan orang melayu berubah kepada melayu-islam<sup>3</sup>. Oleh sebab itu kedatangan islam telah merubah sedikit nilai-nilai kehidupan masyarakat melayu lalu menguasai pemikiran dan corak kehidupan mereka<sup>4</sup>. Meskipun begitu konsep tradisi politik berhubung dengan dewa-raja belum terhapus sepenuhnya dalam amalan masyarakat tetapi diubah sedikit dan disesuaikan dengan fahaman dan ajaran islam. Menurut fahaman Hindubuddha raja memiliki kedaulatan kerana raja ialah tuhan di dunia mengikut kitab hindu tertua iaitu manu (Abu hassan Syam, 2013)<sup>5</sup>. Apabila mendapat pengaruh islam terutama sewaktu pemerintahan Melayu Melaka konsep dewa raja berubah kepada masyarakat meletakkan sepenuh

---

<sup>3</sup> Dr Bahruddin Che Pa "INSTITUSI RAJA DAN PERANANNYA TERHADAP PENYEBARAN ISLAM DI ALAM MELAYU NUSANTARA" UM, hlmn.5

<sup>4</sup> Syed Naquib al-Attas, "ISLAM DALAM SEJARAH DAN KEBUDAYAAN MELAYU", Kuala Lumpur, Universiti Kebangsaan Malaysia,1972.

<sup>5</sup> Jurnal melayu jilid 11 halaman 11

kepercayaan dan taat kepada Allah S.W.T dan raja hanyalah bayangan tuhan di dunia<sup>6</sup>. Dalam hal ini, walaupun konsep dewa raja itu berubah kesucian dan ketaatan rakyat kepada rajanya tetap dijaga kerana daulat yang dipegang oleh sultan tersebut.

Oleh hal yang demikian, daulat digambarkan sebagai status tertinggi seorang sultan yang dijunjung setelah pertabalan sebagai pemerintaah rasmi kerajaan.

## 2.2 KONSEP DERHAKA

Seterusnya, menyebut tentang konsep daulat pasti akan dikaitkan dengan konsep derhaka. Perkataan derhaka berasal dari istilah Sanskrit iaitu *drhoka* yang membawa maksud mengkhianati janji dan sumpah atau ingkar kepada pihak yang berkuasa atau yang berwibawa. Dalam konteks tradisi Kesultanan Melayu Melaka, perbuatan derhaka kepada sultan adalah satu kesalahan jenayah dan dosa paling besar dalam sistem berkerajaan politik dan apabila Sultan murka rakyat akan sukar untuk mendapatkan keampunan dan terlepas dari hukuman yang bakal dikenakan. Hal ini disebabkan oleh masyarakat melayu tradisional amat berpegang kepada pepatah melayu iaitu "*pantang anak melayu menderhaka kepada rajanya.*"

Pepatah tersebut ada diungkapkan oleh Bendahara Tun Perak dan laksamana Melaka kepada Raja Tua di zaman pemerintahan Sultan Mahmud Syah. Katanya "Sekali-kali tiada anak melayu bernama derhaka..."<sup>7</sup>

Bagi seseorang yang telah berbuat derhaka kepada raja dan kerajaan pasti akan terkena tulah. Istilah tulah bermaksud bala atau petanda celaka akibat melakukan kesalahan atau perbuatan yang buruk. Pada abad ke-18, masyarakat melayu amat gerun dengan kalimat 'ditimpa bisa kawi' kerana menderhaka<sup>9</sup>. Kalimat lain yang menggambarkan penderhakaan juga seperti 'ditimpa daulat baginda' atau 'ditimpa tulah'<sup>10</sup>. Kalimat ini jelas memperlihatkan bahawa penderhakaan merupakan perbuatan paling hina dalam masyarakat kerana perkara ini akan membawa kesan yang buruk kepada keharmonian dan keamanan kerajaan itu.

Dengan itu, jelaslah bahawa konsep daulat dan derhaka saling berkait dan muncul sebelum kedatangan islam lagi disebabkan wadat yang termeterai, taat setia yang telah dilafaz masyarakat melayu berpegang kepada konsep daulat dan derhaka.

---

<sup>6</sup> *Ibid* hlm 42.

<sup>7</sup> Muhammad Yusoff Hashim, "KESULTANAN MELAYU MELAKA," hlmn280. <sup>9</sup> Muhammad Yusof Hashim, jurnal sejarah "Daulat dalam tradisi politik". hlmn 229

<sup>10</sup> *Ibid*, hlmn229.

### 3.0 SIMBOL-SIMBOL KEDAULATAN

Kedaulatan seseorang raja tidak dapat dilihat menggunakan mata kasar tetapi dapat dirasakan dan di hormati oleh rakyatnya yang menjunjung kedaulatan sultannya. Disebabkan ini kehidupan seorang raja sangat berbeza dengan rakyatnya dimana terdapat adat tradisi dan budaya yang melambangkan raja sebagai pemegang kedaulatan. Simbol-simbol kedaulatan dan adat-istiadat istana ini dibentuk oleh Sultan Muhammad Syah. Baginda merupakan pemerintah kedua yang telah banyak mencorakkan sistem politik Kerajaan Melayu Melaka menjadi lebih sistematik<sup>8</sup>

#### 3.1 Peralatan kebesaran Diraja

Kedaulatan seorang raja boleh diasaskan kepada kebendaan. Antaranya ialah Mahkota, keris, pedang, lembing, payung, cop mohor, nobat dan lain-lain mengikut tradisi sesebuah kesultanan itu. Pertabalan seorang raja itu untuk menjadi pemerintah kerajaan tidak akan berlaku sekiranya tiada alat-alat kebesaran diraja untuk melengkapkan upacara pertabalan itu<sup>9</sup>. Hal ini telah menjadi satu protokol wajib dalam istana bahkan telah diwarisi secara turun-temurun oleh kerajaan melayu bermula dari Kesultanan Melayu Melaka lagi.

Mahkota merupakan hiasan utama seorang raja yang melambangkan kedaulatan seorang pemerintah. Penampilan raja tidak akan lengkap sekiranya baginda tidak memakai mahkotanya. Dalam Hikayat Hang Tuah, menyatakan bahawa mahkota yang dimiliki oleh raja ini berasal dari Bukit Siguntang<sup>10</sup>. Mahkota ini juga menunjukkan kejatuhan sesebuah kerajaan sepertimana yang berlaku kepada Kerajaan Melaka. Menurut Abu Hassan Syam (1993), pada waktu itu raja Melaka tunduk memandang kedalam laut kerana melihat seekor ikan bersisik emas dan bermatakan manikam kemudian tanpa diduga mahkota baginda jatuh ke dalam air lalu seekor buaya putih menyambar keris baginda sewaktu hamper tiba ke perahu<sup>14</sup>. Setelah peristiwa kehilangan mahkota itu, kerajaan Melaka mula mengalami kejatuhan dan sultan Melaka pada waktu itupun jatuh sakit. Jelaslah bahawa mahkota bukan sahaja lambang

---

<sup>8</sup> A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 74.

<sup>9</sup> Zainal Abidin Wahid, Datuk. *Kesultanan Melayu Melaka: pentadbiran kuno atau moden?*. Batu Berendam, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, (1997), hlmn 7

<sup>10</sup> TENGKU INTAN MARLINA TENGKU MOHD, and Salinah Ja'afar. "Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam Hikayat Hang Tuah." *Jurnal Melayu* 11 (2013), hlmn 104. <sup>14</sup> Ibid, hlmn 105.

kedaulatan seorang raja tetapi turut menjadi petanda kegemilangan dan kejatuhan sesebuah kerajaan kerana pemerintah dan kerajaan saling berkait.

Selain itu, penggunaan keris turut menjadi lambang kekuatan dan keagungan kerajaan melayu. Keris selain digunakan sebagai senjata pertahanan diri alat ini juga melengkapi perhiasan pakaian seorang Raja. Keris yang menjadi sejarah pada zaman kesultanan melayu Melaka ialah keris Taming Sari. Keris ini menjadi warisan turun-temurun kerajaan melayu melaka. Etika pemakaian keris ketika memasuki istana turut ditekankan oleh Sultan Muhammad Syah.

*” Dan jikalau orang masuk ke dalam jika tiada kain berpacung dan berkeris dihadapan dan bersebai, tiada dapat masuk, barang siapapun baik; dan apabila berkeris dibelakang masuk ke dalam, dirampas oleh penunggu pintu ”<sup>11</sup>* Petikan daripada Sulalatus Salatin.

Seterusnya, penggunaan nobat juga digunakan setiap kali adat istiadat pertabalan dijalankan. Nobat merupakan alat muzik khas yang digunakan di istana. Menurut Anderson (1990), dari konteks jawa, alat muzik adalah antara barang yang dipercayai memiliki kuasa luar biasa dan penting kepada seorang pemerintah yang menjadi syarakat untuk mengekalkan kuasa politik baginda<sup>12</sup>. Sejak abad ke-13 Masihi, nobat digunakan secara meluas di Semenanjung Malaysia, Brunei dan Pasai sebagai alat muzik yang sering dimainkan semasa pertabalan raja. Menurut Ayob Hashim, Petabalan seorang Sultan tidak akan lengkap sekiranya tiada bunyi nobat semasa acara pertabalan.

Zaman Kesultanan Melayu Melaka turut mementingkan penggunaan nobat. Raja Siam iaitu Cau Seri Bangsa yang telah memeluk islam pernah menghantar menterinya ke Melaka untuk dinobatkan kerana baginda telah membuka negeri baru iaitu Patani dan Sultan Kedah juga memohon di nobatkan oleh sultan Melaka<sup>13</sup>. Kedua-dua Raja dari Patani dan Kedah ini dinobatkan oleh Sultan Mahmud Syah kerana pada waktu itu empayar Melaka memiliki kedaulatan yang tinggi. Hal ini menunjukkan pentingnya nobat sebagai lambang kedaulatan raja-raja di seluruh Nusantara.

---

<sup>11</sup> A. Samad Ahmad, *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 75.

<sup>12</sup> Raja Iskandar Raja Halid, *Nobat dan Etnifikasi: Perkembangan Budaya dan Pengadaptasiannya dalam pembentukan identity melayu*, Universiti Malaysia Kelantan, 2017, hlmn83.

<sup>13</sup> A. Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 242

Nobat jug diwarisi pada zaman pemerintahan kerajaan Perak. Di dalam naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala*, nobat Perak terdiri daripada lima jenis alat iaitu Gendang Nobat, Gendang Kecil (Penengkah), Nafiri, Serunai dan Gendang Nengkara<sup>14</sup>. Manakala pemain Nobat pula dikenali sebagai Orang Kalur” atau “Orang Kalau” yang diketuai oleh Toh Setia<sup>15</sup>. Selain upacara pertabalan raja nobat juga dimainkan sewaktu mengiringi keberangkatan Sultan dan dalam upacara kemangkatan baginda.

### 3.2 Penggunaan warna

Menurut Norhayati Ab. Rahman (2009), larangan kuning merupakan larangan yang telah ditetapkan oleh Raja<sup>16</sup>. Dalam larangan tersebut warna kuning menjadi warna khas diraja dan rakyat dilarang menggunakannya untuk tujuan-tujuan tertentu. Warna kuning menjadi warna rasmi diraja sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Menurut catatan Sulalatus salatin, sultan Muhamad Syah yang meletakkan pantang larang penggunaan warna kuning<sup>21</sup>. Baginda yang mencipta peraturan ini sehingga menjadi amalan turun temurun Kerajaan Melayu yang wujud selepas pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Warna kuning tidak boleh digunakan oleh rakyat seperti alas bantal, tilam atau bungkusan barang yang berwarna kuning. Akan tetapi, kain baju dan desta boleh dibenarkan menggunakan warna kuning<sup>17</sup>.

Kerajaan Melayu Melaka telah menetapkan di dalam undang-undang Melaka bahawa larangan penggunaan warna kuning ini iaitu fasal 1 menunjukkan larangan memakai pakaian warna kuning, tembus pandang dan keris berhulu emas dalam kalangan rakyat. Bukan itu sahaja, fasal 4 juga menyatakan bahawa larangan pengebumian rakyat biasa dan pembesar menggunakan tilam, bantal dan sapu tangan warna kuning<sup>23</sup>. Melalui 2 fasal yang terkandung di dalam undang-undang melaka ini jelaslah memperlihatkan bahawa kuning merupakan simbol warna kedaulatan seorang raja dan rakyat tidak boleh sesuka hati menggunakannya.

---

<sup>14</sup> Harun, Jelani. "Asal-usul Raja, negeri dan adat istiadat Kesultanan Perak: Beberapa variasi dalam pengekal dan penyimpangan sumber tradisi." *International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 1 (2011), hlmn 17.

<sup>15</sup> Ibid, hlmn18

<sup>16</sup> Nasir, Nor Afiza Mohd, and Salmah Jan Noor Muhammad. "Pengukuhan Kuasa Pemerintahan Kesultanan Melayu Kedah Dalam Undang-Undang Kedah." *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 9 (2018), hlmn 56. <sup>21</sup>Ibid hlmn 77.

<sup>17</sup> Abubakar, Ali. "Undang-undang Melaka." *Undang-undang Melaka* (2018), hlmn 67.

<sup>23</sup> Ibid, hlmn 68

Kerajaan Melayu Kedah juga meletakkan peraturan yang sama mengenai larangan penggunaan warna kuning dalam undang-undang Kedah. Larangan tersebut seperti yang berikut:

*“Pakaian raja-raja empat perkara. Pertama, berkain kuning; kedua, bertilam pandak empat bersegi, peterana, namanya: dan ketiga, payung ubur-ubur dan keempat, tombak cabang. Maka tiadalah dapat siapa-siapa memakai dia. Hukumnya rampas. Dan, lima perkara yang dapat diperbuat orang keluaran diampuni maafkan oleh raja; pertama kepada mempelai berarak boleh pakai kekuningan dan beremas dan berpayung besar dipegang orang dan bersorak-sorak, dinamakan raja sehari”*

(Undang-undang Kedah, 2005: 26)

Petikan tersebut memperlihatkan warna kuning hanya untuk raja dan kerabatnya sahaja. Rakyat dibenarkan menggunakan warna kuning untuk pasangan mempelai dalam majlis perkahwinan. Bukan itu sahaja, penggunaan barang yang berwarna kuning juga terhad seperti tilam, bantal, sapu tangan dan sebagainya.

Antara contoh penggunaan warna kuning yang Paling terkenal ialah warna payung Diraja. Dalam Sulalatus Salatin, membuktikan penggunaan payung kuning sebagai payung yang terbesar *“...tetapi payung itu, ada hijau, ada yang biru, ada yang merah dan sebesarbesarnya payung kuning; dan payung putih dengan negara itu mahal adanya...”* Payung kuning ini hanya digunakan oleh Raja dan Kerabat Diraja untuk menunjukkan perbezaan antara pemegang daulat dengan pembesar dan rakyat.

### **3.3 Penggunaan Bahasa**

Bahasa dan cara pertuturan amat dijaga oleh masyarakat melayu tradisional kerana tutur bahasa dan percakapan melambangkan budi Bahasa orang melayu itu. Terdapat perbezaan dari segi penggunaan bahasa antara golongan pemerintah dan golongan diperintah. Golongan pemerintah iaitu Raja, Kerabat diraja dan pembesar akan menggunakan bahasa istana. Bahasa Istana merupakan . Menurut Asmah Omar (1987), dalam undang-undang melayu tradisional Bahasa istana telah menjadi hak istimewa yang diberikan kepada golongan atasan terutamanya kepada raja-raja melayu<sup>18</sup>. Antara contoh bahasa istana ialah bersemayam, bersantap, murka dan

---

<sup>18</sup> RAZALI, SAFWAN, and ZUBIR IDRIS. "Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional Dalam Syair Putera Mahkota." *Jurnal Melayu* 2, no. 17 (2018), hlmn231.



sebagainya. Sultan memiliki panggilan yang khusus kerana kedaulatan yang dimilikinya seperti beta, tuanku. Murka, menrcemar duli dan lainlain. Bahasa istana ini telah menjadi lambang ketinggian adat resam melayu sebagai satu penghormatan kepada raja yang berdaulat.

Ciri bahasa istana ini dilengkapi dengan adanya unsur pemulukan dan pendinaan. Secara umumnya, pemulukan ialah perbuatan menyanjung yang mengangkat martabat seorang raja. Sebagai contoh unsur pemulukan dapat dilihat dalam petikan teks sulalatus salatin dialog antara sultan Muzaffar Syah dan Seri Nara Diraja.

...maka titah baginda "*Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu?*" Maka sembah Seri Nara Diraja "*Daulat Tuanku*"<sup>19</sup>.

Unsur seterusnya dalam bahasa istana ialah pendinaan yang membawa maksud perbuatan seorang hamba yang merendah-rendahkan diri apabila bertutur dengan raja. Pendinaan pada zaman kesultanan melayu melaka melalui sembah Seri Nara Diraja kepada Sultan Mansur Syah.

...maka sembah Seri Nara Dirajapun berdatang sembah keepada Sultan Mansur Syah "*Tuanku patik memohon ampun, mengapatah duli tuanku sangat amat memohon ampun, mengapalah duli Tuanku sangat mengenang Hang Tuah, orang yang sudah mati...*"<sup>20</sup>

...maka sembah Seri Nara Diraja "*Ampun Tuanku beribu-ribu ampun atas batu kepala patik...*"<sup>21</sup>

Dengan itu, masyarakat melayu tradisional amat menjaga budi bahasa dalam pergaulan mereka terutama antara rakyat kepada rajanya kerana taat setia dan hormat kepada pemerintah negeri.

#### **4.0 BENTUK-BENTUK PENDERHAKAAN**

Terdapat gambaran peristiwa-peristiwa yang menunjukkan penderhakaan turut berlaku dalam kalangan masyarakat melayu tradisional meskipun mereka berpegang teguh pada wadat

---

<sup>19</sup> Ahmad, A. Samad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 93.

<sup>20</sup> Ibid, hlmn 139.

<sup>21</sup> Ibid, hlmn 140.

yang termeterai dan kalimat “pantang anak melayu menderhaka”. Menurut kajian, orang melayu pada zaman dahulu melakukan penderhakaan melalui dua cara iaitu secara terbuka dan tertutup.

#### **4.1 PENDERHAKAAN TERBUKA**

##### **4.1.1 Melakukan huru-hara dalam negeri**

Melakukan kekacauan dalam negeri dianggap sebagai penderhakaan terbuka kerana dilakukan secara terang-terangan dan mendatangkan impak yang besar kepada seluruh penduduk di wilayah itu. Huru-hara dalam negeri ini pernah dicetuskan oleh Sang Rajuna Tapa yang nekad mengkhianat kerajaan Singapura yang pada waktu itu dibawah pemerintahan Sultan Iskandar Syah. Sang Rajuna Tapa merupakan bendahara dan pengikut setia Sultan namun disebabkan peristiwa puterinya yang merupakan dayang istana kesayangan raja telah dihukum mati oleh Sultan Iskandar Syah sendiri dengan cara yang memalukan menyebabkan Sang Rajuna berdendam terhadap sultan akan kematian puterinya. Hal ini berlaku kerana dayang-dayang istana lain cemburu dengan anak Sang Rajuna Tapa lalu mereka menyebarkan fitnah sehingga dia dibunuh oleh Sultan tanpa usul periksa<sup>22</sup>. Oleh itu, San Rajuna Tapa pun membelot dengan memint bantuan daripada kerajaan Majapahit untuk menyerang Singapura. Akhirnya singapura dikalahkan oleh kerajaan Majapahit lalu Sultan Iskandar Syah dan pengikutnya berundur ke Muar. Namun begitu, disebabkan Sang Rajuna Tapa Menderhakai Sultan maka dia dan bininya telah ditimpa tulah seperti yang digambarkan dalam sulalatus salatin iaitu petikan

“Adapun Sang Rajuna Tapa dengan dengan takdir Allah Taala menunjukkan kuasa-Nya, baharu hendak mengambil beras tiba-tiba rengkiang beras itu berbalik, jatuh ke parit, kaki tiangnya ke atas dan bumbungnya ke bawah: Sang Rajuna Tapa pun jatuh tersungkur di terigah parit itu, laki bini meenjadi batu; ada dating sekarang dengan beras itu<sup>23</sup>”.

(A.Samad Ahmad, Sulalatus Salatin)

---

<sup>22</sup> Ahmad, A. Samad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 69.

<sup>23</sup> Ibid, hlmn 70.

#### **4.1.2 Melakukan serangan**

Penderhakaan ini dicetuskan melalui serangan-serangan yang menimbulkan kekacauan sehingga mengundang kemurkaan sultan. Penderhakaan berbentuk serangan ini ditemukan dalam insiden Hang Jebat mangamuk di Istana Melaka setelah mendapat tahu sahabat baiknya iaitu Hang Tuah telah ddibunuh oleh Seri Nara Diraja diatas perintah Sultan Mansur Syah.<sup>24</sup> Namun begitu pemberontakan yang dilakukan Hang Jebat sia-sia kerana kenyataannya Hang Tuah belum lagi mati kerana Seri Nara Diraja hanya menyembunyikan Hang Tuah pada waktu yang lama sehinggalah Sultan Mansur Syah menitahkan Seri Nara Diraja untuk membawa pulang Hang Tuah untuk membunuh Hang Jebat apabila mendapat tahu Hang Tuah masih hidup. Maka berlakulah perlawanan antara Hang Tuah sebagai penjunjung kedaulatan raja dengan Hang Jebat yang menderhaka. Hang Jebat dianggap menderhaka kerana Hang Tuah sendiri mengatakan kepada Hang Jebat dalam pertelingkahan mereka berdua “Siapa bersetia dengan engkau wahai orang derhaka”.<sup>25</sup>(A.Samad Ahmad, Sulalatus Salatin)

Setelah itu, akhirnya Hang Jebat Mati ditangan Hang Tuah dan disebabkan penderhakaan yang dilakukan oleh Hang Jebat Sultan turut menitahkan anak dan isterinya dibunuh manakala kaki tiang rumah mereka turut di gali dan dibuang ke laut. Hal ini menyebabkan sultan murka dan menjatuhkan maruah baginda sebagai raja yang berdaulat.

### **4.2 PENDERHAKAAN TERTUTUP**

Penderhakaan tertutup berbeza dengan penderhakaan terbuka kerana cara penderhakaan ini dilakukan tanpa menimbulkan kerosakan atau pembunuhan yang banyak sehingga mengancam keselamatan raja dan masyarakat lain.

#### **4.2.1 Penderhakaan dalam bentuk sindiran.**

Terdapat juga penderhakaan yang dilakukan dalam bentuk kata-kata dengan tujuan untuk memerli raja sehingga membuat raja berasa murka. Peristiwa penderhakaan ini berlaku sewaktu Tun Biajid menyindir Sultan Mahmud Syah kerana di ketahui telah meniduri isterinya sewaktu dia ke Merba dan tidak berada di rumah.

---

<sup>24</sup> Ibid, hlmn 138.

<sup>25</sup> Ibid, hlmn 142.

Kata Tun Biajid *“Hei Sultan Mahmud, demikiankah pekerjaan tuan hamba akan hamba? Sayang tuan hamba kepada hamba, jikalau tuan hamba bukannya tuan kepada hamba, jika tidak lembing ini kuterbangkan di dada itu, ubah nama si biajid anak Laksamana Hang Tuah”* Lalu berkata pula Sultan Mahmud Syah *“...Jangan kamu semua marah, kerana katanya itu benar, kita sedia salah kepadanya; pada hukumnya patut kita dibunuhnya, daripada ia hamba melayu, tiada ia mau derhaka...”*<sup>26</sup>

(A. Samad.Ahmad, Sulalatus Salatin)

Melalui petikan tersebut, dapat dilihat Tun Biajid tidak menjaga kata-katanya dengan berani memerli perilaku Sultan Mahmud Syah yang tidak bermoral secara terusterang. Namun begitu, Sultan Mahmud Syah tidak meletakkan apa-apa hukuman malah Tun Biajid diberikan seorang gundik yang bernama Tun Iram Sedari kepada Tun Biajid lalu diperisterikannya gundik itu. Tindakan Sultan Mahmud Syah ini adalah untuk mendiamkan Tun Biajid daripada terus menyindir baginda.

#### **4.2.2 Penderhakaan bersifat lembut**

Penderhakaan bercorak lembut ini didefinisikan sebagai seseorang itu menderhaka tanpa perlu berkelakuan agresif tetapi secara halus dan terkawal. Penentangan cara ini tidak akan menimbulkan kesan yang ketara terhadap raja.

Kisah Tun Fatimah boleh dijadikan bukti kewujudan bentuk penderhakaan bersifat lembut ini dalam sejarah masyarakat melayu tradisional. Tun Fatimah terpaksa berkahwin dengan Sultan Mahmud Syah setelah keluarga dan suaminya dibunuh oleh sultan sendiri. Hal ini menyebabkan Tun Fatimah menanam perasaan benci terhadap sultan sehinggakan dia tidak pernah tertawa apatah lagi tersenyum sepanjang bergelar raja perempuan di kerajaan Melaka<sup>27</sup>. Tun Fatimah mengambil tindakan untuk memanfaatkan sultan dengan mengatakan yang dia tidak akan hamil anak Sultan Mahmud Syah sekiranya tidak dijadikan sebagai Raja di Melaka. Sultan Mahmud syah pun bersetuju. lalu bertitah *“Jikalau tuan hamil sekali lagi, jangan dibuangkan; Jika ia lelaki ialah kita Rajakan.”*<sup>28</sup>

---

<sup>26</sup> Ibid, hlmn 193.

<sup>27</sup> Ibid, hlmn 264.

<sup>28</sup> Ibid, hlmn 266

Selepas peristiwa itu Tun Fatimah hamil anak Sultan Mahmud Syah namun dua kali dia melahirkan tetapi dikurniakan anak perempuan dan dinamai Sultan Mahmud Syah sebagai Raja Putih dan Raja Khadijah. Hal ini memperlihatkan ketinggian kedaulatan seorang raja itu kerana Allah SWT tidak memberikan Tun Fatimah anak lelaki untuk dijadikan Raja di Melaka.

## **5.0 PERANAN UNSUR DAULAT DAN DERHAKA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL**

### **5.1 Mengukuhkan kedudukan raja sebagai pemerintah**

Sebagai pemerintah sesebuah kerajaan penting untuk seorang raja atau sultan itu mengukuhkan kedudukannya dalam kerajaan. Unsur daulat dan derhaka yang wujud raja boleh memanfaatkannya untuk mempertahankan tampuk pemerintahan daripada dijatuhkan oleh anasir-anasir yang cuba menjatuhkan kedudukan seorang raja itu. Umum mengetahui bahawa daulat sangat berkait rapat dengan peribadi dan tubuh badan raja yang memerintah itu. Sesebuah kerajaan itu hanya boleh diperintah oleh seorang raja yang telah ditabal dan mendapat junjungan kalimat “daulat tuanku” daripada rakyatnya.<sup>29</sup> Unsur ini dapat membantu raja untuk mengukuhkan kedudukannya kerana takut masyarakat melayu tradisional amat takut ditimpa tulah.

Raja dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai pemerintah jika baginda mampu memerintah dengan adil dan bijaksana. Raja yang berdaulat adalah raja yang boleh mendirikan kerajaan yang ditadbir dengan maju dan aman tanpa perlu melakukan kekacauan yang mencemarkan kedaulatan seorang raja. Empayar kesultanan melayu melaka sendiri memperlihatkan bahawa era pemerintahan kerajaan ini telah dipegang oleh sultan-sultan yang memiliki kedaulatan tinggi dan mahir dalam mentadbir kerajaan menyebabkan kesultanan melayu melaka muncul sebagai sebuah kerajaan melayu pertama yang termasyur sepertimana gambarannya di kisah-kisah dan sejarah melayu. Sebagai contoh, semasa era pemerintahan sultan Alauddin Riayat Syah di Melaka baginda dikenali sebagai sultan yang mementingkan keamanan wilayah pemerintahannya. Hal ini dapat dibuktikan apabila Melaka pada waktu itu gempar dengan kes pencurian yang berleluasa menyebabkan Sultan amat risau akan

---

<sup>29</sup> Husain, Wan Ahmad Fauzi Wan, Anisah Che Ngah, and Mohamed Anwar Omar Din. "Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka." *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 22 (2018), hlmn63

keselamatan rakyatnya. Bagindapun mengambil keputusan untuk berkawal pada suatu malam bersama Hang Isap dan Hang Ishak merekapun menyamar seakan-akan penduduk kampung untuk menjejaki pencuri tersebut dan akhirnya lima orang pencuri berjaya ditumpaskan oleh Sultan sendiri.<sup>30</sup> Peristiwa ini memperlihatkan seorang raja yang bertanggungjawab menjaga kebajikan dan keselamatan rakyatnya meskipun perbezaan status kedudukan tetapi Sultan Alaudin Riayat Syah masih mengambil berat akan rakyatnya.

Bukan itu sahaja, seorang raja juga perlu memiliki sifat peribadi yang bermoral agar dihormati oleh pengikutnya kerana raja merupakan bayangan Tuhan dimuka bumi. Meskipun Raja merupakan golongan tertinggi hubungan raja dan rakyat perlu dijaga. Hal ini disebabkan oleh Raja yang memiliki pengikut teramai dan taat kepadanya dianggap memiliki kedaulatan yang tinggi<sup>31</sup>. Dengan itu, Raja atau sultan yang dibantu oleh pembesar dapat mengawal rakyat dengan lebih mudah kerana rakyat menjadi akur dan taat setia kepada pemerintahnya.

## **5.2 Melahirkan kesetiaan rakyat kepada pemerintah**

Konsep daulat dan derhaka juga telah membentuk sikap ketaatan dalam diri masyarakat Melayu tradisional. Rakyat merasa takut untuk melawan, membelot dan mencemarkan maruah raja kerana itulah bakal menimpa mereka yang menderhaka apabila mendapat murka daripada raja. Konsep setia telah menjadi satu asas penting dalam kehidupan orang Melayu terutamanya bagi mereka yang berdekatan dengan istana. Definisi kesetiaan rakyat ialah apabila rakyat itu sanggup melakukan apa sahaja untuk rajanya<sup>32</sup>. Hal ini dapat dilihat secara dekat kepada para pembesar memiliki hubungan paling rapat dengan raja dan menjadi orang kepercayaan membantu raja mentadbir kerajaan.

Terdapat beberapa nama-nama pembesar yang dicatatkan di dalam sejarah Melayu sebagai penjunjung konsep daulat dan derhaka. Salah satu pembesar yang terkenal ialah Tun Perak. Sebagai orang kanan Sultan Tun Perak menjalankan pentadbiran kerajaan Melaka

---

<sup>30</sup> A. Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 173

<sup>31</sup> Hashim, Muhammad Yusoff. "" DAULAT" DALAM TRADISI BUDAYA DAN POLITIK KESULTANAN MELAYU ABAD KE-15 DAN AWAL ABAD KE-16: ANTARA MITOS DAN REALITY." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 3, no. 3 (2017), hlmn 277.

<sup>32</sup> Pa, Bharuddin Bin Che. "Institusi Raja Dan Peranannya Terhadap Penyebaran Islam Di Alam Melayu Nusantara." *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam. Brunei: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan* (2012), hlmn 3.

dengan bijaksana tanpa membuta tuli disamping menurut segala perintah Diraja. Beliau menjadi penasihat diraja yang jujur dalam membuat sesuatu keputusan. Setelah menjawat jawatan bendahara dengan gelaran Paduka Raja keperibadian Tun Perak terserlah sebagai orang melayu yang taat kepada segala perintah rajanya. Tun Perak sanggup bergadai nyawa sewaktu menjadi pemimpin Angkatan tentera Melaka menangkis serangan tentera Siam atas titah Sultan Muzzafar Syah. Setelah memperoleh kemenangan menentang Siam, pasukan tentera Melaka dibawah pimpinan Tun Perak menjadi lebih berani untuk menyerang Pasai dan Pahang sekaligus meluaskan jajahan takluk Melaka<sup>33</sup>. Jelaslah, kesetiaan Tun Perak kepada raja cukuplah tinggi sehingga beliau menjadi orang kepercayaan Sultan pada waktu itu.

Oleh itu, taat setia rakyat kepada raja sangatlah penting meskipun raja berlaku zalim. Ketaatan rakyat mampu menjamin keharmonian dan kemasyuran negeri. Hal ini membuktikan daulat dan derhaka mampu merubah sikap rakyat untuk tidak memberontak terhadap kerajaan. Lebih-lebih lagi, rakyat yang berani menderhaka bukan sahaja terkena tular tetapi akan dihukum setimpal dengan kesalahan yang dilakukan kerana wujudnya undang-undang yang menjadi panduan dalam struktur politik kerajaan dan masyarakat melayu tradisional.

### **5.3 Menjalinkan hubungan diplomatik**

Hubungan diplomatik merupakan hubungan yang terjalin antara dua atau lebih kerajaan. Hubungan diplomatik antara kerajaan-kerajaan tradisional ini amatlah penting untuk memantapkan dan mengembangkan lagi pemerintahan dan pentadbiran dari segi politik, ekonomi dan sosial. Sesebuah kerajaan itu tidak akan menjalinkan hubungan diplomatik sekiranya kerajaan tidak membawa kepentingan kepadanya. Dari sudut pandangan ini pentingnya kedaulatan dalam diri raja dan kukuhnya pemerintahan kerajaan tersebut untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Kesultanan Melayu Melaka merupakan kerajaan melayu terawal yang menjalinkan banyak hubungan diplomatik dengan kerajaan lain. Meskipun ada beberapa pendapat mengatakan bahawa kerajaan Melayu Melaka memiliki sistem pemerintahan yang kuno dan tidak maju namun catatan sejarah berjaya membuktikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang muncul sebagai pusat perdagangan terkenal dan sering dikunjungi oleh pedagang-pedagang luar. Catatan Tome Pires dalam karyanya iaitu *The Suma Oriental of Tome Pires* banyak menceritakan kegemilangan Kesultanan Melayu

---

<sup>33</sup> Mustafa, Fazliyana. "Kepentingan kepimpinan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka/Fazliyana binti Mustafa." PhD diss, Universiti Malaya, 2002, hlmn 111.

Melaka dari segi, pemerintahan, perdagangan dan kehidupan sosial masyarakat melayu tradisional.

Hubungan-hubungan diplomatik ini boleh dijalankan dengan pelbagai cara seperti melalui hubungan perdagangan, pertabalan, perkahwinan dan lain-lain. Negeri yang tertarik menjalinkan hubungan diplomatik dengann Melaka ialah negeri China.<sup>34</sup> Hubungan antara Melaka dan China bermula setelah negeri China menerima berita tentang kebesaran dan kejayaan Kerajaan Melayu Melaka menyebabkan Maharaja China mengutus bingkisan berupa jarum sarat sebuah pilau. Menurut utusan tersebut jarum itu telah diminta sebilah dariada setiap rumah rakyat di China. Sebagai Balasan, Sultan Mansur Syah telah mengirinkan sebuah pilau yang berisi penuh dengan sagu rendang yang digelek sebiji setiap rakyat Melaka. Pada suatu hari Maharja China telah dijangkiti penyakit Kedal yang menyebabkan seluruh badannya terkena gatal-gatal. Menurut Thabib tidak dapat diubati sehinggalah Maharaja China minum dan membasuh muka menggunakan air basuhan kaki Sultan Mansurnya. Akhirnya Maharaja China sembuh dari penyakit kedal dan sejak dari itu baginda bersumpah bahawa diri dan keturunannya tidak akan disembah oleh Sultan Melaka. Peristiwa ini cukup menjadi bukti kedaulatan yang dimiliki Sultan Melaka mampu membuat Maharaja China tunduk hormat kepada Raja Melayu di Melaka lalu kedua negeri inipun menjalinkan hubungan diplomatik.

Selain Daripada China Kesultanan Melayu Melaka di bawah pemerintahan Sultan Mansur Syah telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan lain yang ada di Nusantara. Antaranya ialah Sulawesi, Siam dan Majapahit. Bukan itu sahaja, Betara Majapahit memberikan Inderagiri, Jambi, Siantan kepada Sultan Mansur Syah manakala Siantan telah dianugerahkan kepada Laksamana Hang Tuah. Usaha berbaik-baik Sultan Mansur Syah dengan kerajaan-kerajaan ini telah memberi impak yang positif kepada perkembangan empayar Melayu Melaka. Tidak dapat disangkal selain memiliki kebijaksanaan memerintah Sultan Mansur Syah juga memiliki kewibawaan yang tinggi kerana mampu menjalinkan hubungan dengan kerajaan-kerajaan lain. Oleh sebab itulah, hubungan diplomatik ini mendorong kemajuan terutama perdagangan dan pertahanan Kerajaan Melayu Melaka sehinggakan kerajaan ini kurang menerima ancaman dari luar.

---

<sup>34</sup> A. Samad Ahmad. *Sulalatus Salatin:(Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad.* Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlmn 131.



## 6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, amalan daulat dan derhaka telah sebatu dalam kehidupan masyarakat melayu tradisional. Disebabkan waad yang termeterai, unsur ini mempengaruhi sistem politik kerajaan. Amalan daulat dan derhaka ini diperkukuhkan lagi dengan simbol-simbol kedaulatan yang diwujudkan. Namun begitu, masih ada segelintir masyarakat yang berani melakukan penderhakaan tanpa memikirkan kesan yang bakal menimpa mereka. Daulat dan derhaka ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat melayu tradisional kerana terikat dengan unsur ini mereka memanfaatkan untuk menjaga keharmonian Kerajaan dan negeri. Keruntuhan Kerajaan Melayu Melaka disebabkan serangan portugis turut merubah struktur politiknya. Meskipun muncul kerajaan-kerajaan Melayu lain yang mewarisi pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka, kegemilangan kerajaan tersebut tidak semasyur Kesultanan Melayu Melaka. Kini, masyarakat di Malaysia tidak lagi terikat sepenuhnya dengan taat setia, daulat dan derhaka seperti masyarakat melayu tradisional dahulu kerana sistem raja mutlak telah berubah kepada raja berperlembagaan. Rakyat di Malaysia kini hidup dalam masyarakat majmuk namun Raja-raja Melayu masih dihormati dan disanjung meskipun kekuasaan mereka kepada Malaysia telah terbatu disebabkan wujudnya Perlembagaan Persekutuan dan kesan zaman Penjajahan British di Tanah Melayu yang mengubah sistem feudal kepada Neofeudal. Oleh itu, sejarah-sejarah melayu ini perlu dihayati dan dijadikan sebagai panduan untuk kemajuan sejagat.

## RUJUKAN

1. A. Samad Ahmad, (1979). *Sulalatus Salatin: (Sejarah Melayu)/diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ali, Tengku Marlina Intan Mohamad and Salinah Ja'afar. "Simbol kebesaran daulat, mahkota dan keris dalam Hikayat Hang Tuah." *Jurnal Melayu* 11 (2013).
3. Mustafa, Fazliyana. "Kepentingan kepimpinan Tun Perak dalam Kesultanan Melayu Melaka/Fazliyana binti Mustafa." PhD diss, Universiti Malaya, 2002.
4. Hashim, Muhammad Yusoff. "" DAULAT" DALAM TRADISI BUDAYA DAN POLITIK KESULTANAN MELAYU ABAD KE-15 DAN AWAL ABAD KE-16: ANTARA MITOS DAN REALITY." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 3, no. 3 (2017)
5. Abubakar, Ali. "Undang-undang Melaka." *Undang-undang Melaka* (2018).
6. RAZALI, SAFWAN, and ZUBIR IDRIS. "Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional Dalam Syair Putera Mahkota." *Jurnal Melayu* 2, no. 17 (2018)
7. Shukri, Sharyzee Mohmad, and Mohammad Hussaini Wahab. "The Origin of Malay Royal Town Concept of Urban Form." (2019).
8. Milner, Anthony. *the Malays*. John Wiley & Sons, 2009.
9. Cortesao, Armando. *The Suma Oriental of Tomé Pires: Volume I*. Taylor & Francis, 2018.
10. BAHAMAN, BAZRUL. "KONSEP RAKYAT DAN PERANANNYA DALAM NEGARA." *Jurnal Peradaban Melayu* 10 (2015): 123-134.
11. Bakar, Roslina Abu. "World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu." *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 4 (2013): 143-161
12. Husain, Wan Ahmad Fauzi Wan, Anisah Che Ngah, and Mohamed Anwar Omar Din. "Konsep Kedaulatan dalam Hukum Kanun Melaka." *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat* 22 (2018): 61-73
13. Ahmad, K. 1964. *Perwatakan dalam Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
14. Winstedt, Richard Olof. "The Malay Annals of Sejarah Melayu." *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 16, no. 3 (132 (1938): 1-226

15. Mustafar, Farrah Wahida. "Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun." *Jurnal Tuah* 1, no. 1 (2020).
16. Zakaria, Norazimah. "Kepengarangan Hikayat Melayu dan Tuhfat AlNafis." *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature* 3 (2012): 116-138.
17. Harun, Jelani. "Asal-usul Raja, negeri dan adat istiadat Kesultanan Perak: Beberapa variasi dalam pengekaln dan penyimpangan sumber tradisi." *International Journal of the Malay World and Civilisation* 29, no. 1 (2011): 3-35.
18. Razali Safwan dan Zubir Idris, "Gambaran Masyarakat Melayu Tradisional Dalam Syair Putera Mahkota" *Jurnal Melayu* 2, (2018).
19. Ali, Munirah Munawar, and Ida Baizura Bahar. "AN EXPLORATION OF MALAYNESS IN MARONG MAHAWANGSA (THE KEDAH ANNALS)." *Jurnal Pengajian Melayu* 25, no. 1 (2014): 117-129.